

Disahkan oleh:



.....
Mohamad Azrol Mohamad Dali
Timbalan Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
15/12/2020

**POLIS DIRAJA MALAYSIA
(PDRM)**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN
PERMIT BERNIAGA
PERALATAN DAN PAKAIAN
SERAGAM POLIS**

**PERMOHONAN PERMIT BERNIAGA
PERALATAN DAN PAKAIAN SERAGAM POLIS**

Pemilikan, pembekalan dan pengedaran kelengkapan dan peralatan pakaian seragam adalah tertakluk di bawah Akta Polis 1967. Arahan ini disediakan untuk mengatur dan mengurus tadbir kawalan terhadap pembekalan dan penjualan peralatan serta kelengkapan PDRM.

1. OBJEKTIF

Memastikan permohonan permit berniaga peralatan dan pakaian seragam polis diuruskan dengan cepat dan betul supaya pengeluaran lesen adalah terkawal mengikut undang-undang dan peraturan yang ada bagi menjamin keamanan dan ketenteraman awam.

2. SKOP

Prosedur ini digunapakai untuk memproses permohonan permit berniaga peralatan dan pakaian seragam polis di peringkat Ibu Pejabat Polis Daerah dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen.

3. RUJUKAN

Akta Polis, 1967

4. DEFINISI

4.1. Peralatan dan pakaian seragam polis:

Apa-apa peralatan dan pakaian seragam yang telah dibekalkan kepada mana-mana pegawai polis untuk melaksanakan tugasnya, atau apa-apa pingat atau bintang penghormatan yang diberikan kepada mana-mana pegawai polis kerana keberanian, perkhidmatan atau kelakuan baik.

5. TATACARA PERMOHONAN

5.1 PERMOHONAN BAHARU

5.1.1 BORANG

BLESS :

1. Daftar pengguna melalui BLESS di laman <https://www.bless.gov.my>
2. Isi borang permohonan berdasarkan lesen yang dikehendaki dan hantar (submit) ke IPD yang berkenaan (melalui BLESS).
3. Muat naik dokumen sokongan yang diperlukan.

MANUAL :

1. Borang permohonan, sila klik **POL. 308.pdf**.
2. Isi borang permohonan **POL. 308** dengan lengkap dan kemukakan ke IPD yang berkaitan berserta dokumen sokongan.

5.1.2 DOKUMEN SOKONGAN

Dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut :

1. (1) salinan Kad Pengenalan Pemohon
2. (3) Keping Gambar Pemohon (Saiz Passport)
3. (1) salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (Borang 9)
4. (1) salinan Caruman KWSP Syarikat
5. (1) salinan Penyata Bank Syarikat (3 bulan terakhir)
6. (1) salinan Cukai Pendapatan
7. (1) salinan Lesen Perniagaan / Premis yang dikeluarkan oleh PBT
8. (1) salinan surat perjanjian sewa beli

5.1.3 TEMPOH PROSES PERMOHONAN

Tempoh proses permohonan baharu mengambil masa 21 hari (waktu bekerja).

5.1.4 KELULUSAN

Permohonan baharu akan diluluskan oleh Ketua Polis Negeri.

5.1.5 LESEN DAN SYARAT

Setelah mendapat kelulusan, pemohon akan dimaklumkan melalui surat oleh IPD berkenaan dan pemohon perlu hadir ke IPD untuk mengambil permit dan syarat (ditetapkan oleh PDRM).

5.2 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

5.2.1 BORANG

BLESS :

1. Daftar pengguna (log-in) melalui BLESS di laman <https://www.bless.gov.my>
2. Isi borang permohonan berdasarkan lesen yang dikehendaki dan hantar (submit) ke IPD yang berkenaan (melalui BLESS).
3. Muat naik dokumen sokongan yang diperlukan.

MANUAL :

1. Borang permohonan, sila klik **POL. 308A.pdf**.
2. Isi borang permohonan **POL. 308 A** dengan lengkap dan kemukakan ke IPD yang berkaitan berserta dokumen sokongan.

5.2.2 DOKUMEN SOKONGAN

Dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut :

1. (1) salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Borang 9)
2. (1) salinan Lesen Perniagaan/ Premis yang dikeluarkan oleh PBT
3. Lesen PDRM yang telah diluluskan (yang asal)

5.2.3 TEMPOH PROSES PERMOHONAN

Tempoh proses permohonan pembaharuan mengambil masa 10 hari (waktu bekerja).

5.2.4 KELULUSAN

Permohonan pembaharuan akan diluluskan oleh Ketua Polis Negeri.

5.2.5 LESEN DAN SYARAT

Setelah mendapat kelulusan, pemohon akan dimaklumkan melalui surat oleh IPD berkenaan dan pemohon perlu hadir ke IPD untuk mengambil permit dan syarat (ditetapkan oleh PDRM).

5.3 PERMOHONAN PEMBATALAN

5.3.1 BORANG

BLESS :

1. Daftar pengguna (log-in) melalui BLESS di laman <https://www.bless.gov.my>
2. Isi borang permohonan berdasarkan lesen yang dikehendaki dan hantar (submit) ke IPD yang berkenaan (melalui BLESS).
3. Muat naik surat permohonan pembatalan.

MANUAL :

1. Hantar surat permohonan pembatalan ke IPD yang berkaitan.

5.3.2 TEMPOH PROSES PERMOHONAN

Tempoh proses permohonan pembatalan mengambil masa 10 hari (waktu bekerja).

5.3.3 KELULUSAN

Permohonan pembatalan ini akan diluluskan oleh Ketua Polis Negeri.

5.3.4 PERMIT

Setelah mendapat kelulusan pembatalan, pemohon perlu mengembalikan permit asal (yang telah diberi kelulusan).